

## **Lawatan Kerja Rasmi YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) ke Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN)**

27 Jun – YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan, Menteri Tenaga dan Sumber Asli telah mengadakan Lawatan Kerja Rasmi ke Institut Tanah dan Ukur Negara. Tujuan lawatan kerja ini diadakan adalah untuk memahami serta mendalami fungsi, misi dan visi INSTUN dalam menerajui ILA dalam bidang tanah, ukur dan pemetaan. INSTUN turut mengambil peluang beramah mesra dengan YB Menteri “*meet and greet*” sepanjang sesi lawatan ini. Lawatan ini dimulai dengan sesi bergambar bersama kakitangan INSTUN, kemudian menandatangani buku pelawat INSTUN. Setelah itu, YB Menteri di bawa ke bilik persidangan bagi memberi taklimat ringkas mengenai INSTUN dan seterusnya YB Menteri memberi amanat kepada warga INSTUN. Antara intipati amanat YB Menteri:

- INSTUN sebagai Institut Latihan Awam (ILA) perlu mempunyai ciri-ciri yang tersendiri bagi memastikan INSTUN sebuah institusi yang berkesan.

- 5T:

i. Training centre - well organized

Pelaksanaan pentadbiran, pengisian kursus serta sesi pembelajaran dengan cara terbaik.

ii. Trainers - must be well trained!

Akademik, kelayakan dan pengalaman perlu diambil kira bagi pemantapan mutu pembelajaran.

iii. Trainees

Ramai peserta yang tidak tahu mengapa perlu mengambil kursus serta Latihan. Setiap peserta harus tahu serta berdedikasi dalam memastikan diri minat terhadap sesuatu bidang yang perlu dipelajari. INSTUN sebagai institusi awam satu-satunya dalam bidang tanah, ukur dan pemetaan harus bijak membentuk minat peserta dalam menjalani kursus yang terdapat di sini.

iv. Training skills yang realistik

Banyak perkara yang dipelajari tidak boleh diaplikasi di arena kerja. Subjek perlu relate dengan situasi semasa dan boleh dipraktikkan di luar.

v. Target

INSTUN perlu ada target (sasaran) yang cemerlang bagi mendepani cabaran yang mendatang. Fokus kepada pemeraksanaan dan pemantapan R&D.

- Seminar Pengambilan Tanah
- Pengurusan Harta Pusaka
- Jubli Perak INSTUN (2023) - let people know INSTUN!

Selesai sahaja amanat yang diberikan, YB Menteri KeTSA telah menyempurnakan sesi penanaman anak pokok Eugenia Myrtifolia sebagai simbolik kepada Lawatan YB Menteri KeTSA ke INSTUN. Selesai sahaja acara penanaman anak pokok, YB Menteri telah dibawa melihat kerja-kerja meninjau perkembangan Projek Pembangunan Balai Cerap INSTUN yang dijangka siap pada tahun 2023.

Melalui lawatan ini, YB Menteri dapat melihat sendiri peranan INSTUN dalam memberi perkhidmatan kursus yang relevan kepada kakitangan awam. YB Menteri berkesempatan meluangkan masa seketika menyantuni peserta kursus di bawah seliaan Bahagian Pengurusan dan Perundangan Tanah iaitu Kursus Sijil Pentadbiran Tanah Modul 2 Bilangan 1. Kursus ini berlangsung dari 27 Jun 2022 - 1 Julai 2022. Kursus ini merupakan satu modul daripada lima modul yang kita tawarkan kepada peserta bagi pensijilan. Ini bermaksud peserta perlu menyelesaikan lima modul untuk mendapat Sijil Pentadbiran Tanah (LAC). Sijil ini merupakan salah satu kriteria Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam mengiktiraf *Subject Matter Expert (SME)* bidang tanah. Sasaran kursus ini adalah kepada Pegawai Tadbir dan Diplomatik / Pegawai Tadbir Negeri Gred 41 dan ke atas.









